

04 MAY 2002

DR MAHATHIR: ANGGOTA PARLIMEN PUTRAJAYA TERBUKA BAGI SESIAPA YANG LAYAK

SHAH ALAM, 4 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pemilihan anggota Parlimen bagi kawasan Putrajaya terbuka kepada sesiapa sahaja yang layak.

"Kita tidak kira dari mana tapi kita pilih pemimpin yang sesuai," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas merasmikan majlis perhimpunan Hari Pekerja 2002 di Stadium Melawati di sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab pertanyaan pemberita mengenai cadangan ahli Parlimen Putrajaya dipilih daripada kalangan pemimpin negeri Selangor.

Kata Dr Mahathir lagi, tidak ada kriteria tertentu yang ditetapkan bagi pemilihan ahli Parlimen untuk kawasan itu.

Dewan Negara dalam sidang lepas telah meluluskan rang undang-undang penubuhan kerusi Parlimen Putrajaya.

-- BERNAMA

RIZ PR